

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MAHANG
PRA PEPERIKSAAN PdPR
SECARA ATAS TALIAN
PERTANIAN
5 STEM 2

ARAHAN

- Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B
- Anda diminta bersedia 15 minit lebih awal dan sila muat turun soalan
 - Jawab Bahagian A dalam sheet yang diberikan secara atas talian
 - Jawab soalan Bahagian B dalam buku tulis, snap gambar dan hantar kepada guru. Sila tulis nama anda pada Kertas Jawapan bahagian B
 - Sila jawab semua soalan dalam masa 1 jam
- Anda perlu jujur dan mengelak dari unsur peniruan

SELAMAT MENJAWAB

BAHAGIAN A

Sila isi ruang kosong dengan jawapan yang betul

1. Jadual 1 menunjukkan sifat fizikal tanah.

Nyatakan jenis tanah yang betul berdasarkan sifat fizikal tanah dalam ruang yang disediakan

Sifat fizikal	Jenis tanah
Daya memegang air sederhana. Saliran baik	
Daya memegang air sangat tinggi. Saliran kurang baik.	

2. Nyatakan 2 jenis tanah bermasalah di Malaysia.

(i) _____

(ii) _____

3. Nyatakan kaedah memperbaiki tanah bagi gambar rajah di bawah.

4. Berikan 2 contoh baja organik.


(i) _____

(ii) _____

5. Berikut adalah langkah penyediaan baja sistem fertigasi yang tidak mengikut urutan. Susun mengikut urutan yang betul.

Ambil bacaan EC meter	
Masukkan air ke dalam tong	
Masukkan stok baja A dan kacau hingga sebati	
Masukkan stok baja B dan kacau hingga sebati	

6. Lengkapkan rajah di bawah dengan jenis dan contoh tanaman yang betul.



7. Rajah di bawah menunjukkan penggunaan alat mekanisasi lading.




- (i) Nyatakan 2 faedah menggunakan alat mekanisasi itu

(a) _____


(b) _____

- (ii) Nyatakan nama alat mekanisasi lading itu.

8. Nyatakan kaedah penanaman tanpa tanah di bawah



9. Namakan kaedah pembajaan atas tanah di bawah



i.

ii.

10. Pernyataan di bawah menunjukkan cara mengawal perosak tanaman.

A

Kawalan kimia

C

Kawalan fizikal

B

Kawalan kultura

D

Kawalan biologi

Tuliskan A, B, C atau D dalam ruang yang disediakan.

- Menanam tanaman penolak (repellant) seperti serai wang

- Menggantung plastik pelekut berwarna kuning untuk menarik perhatian afid, benah dan berimbing(thrips)

11. Nyatakan 2 kaedah menentukan kematangan tanaman.

(i) _____

(ii) _____

BAHAGIAN B

Sila jawab dalam buku latihan atau kertas kosong, snap gambar dan hantar kepada guru

1. Encik Hakim bercadang menanam tanaman cili secara fertigasi. Berikut adalah belanjawan projek penanaman cili tersebut

Perkara	Kuantiti / Harga
Hasil	2.5 kg /pokok
Bilangan pokok	9000 pokok
Harga	RM5.00 /kg
Benih cili	RM500.00
Polibeg	RM2000.00
Dulang semaian	RM500.00
Peat moss	RM500.00
Cocopeat	RM3000.00
Sekam bakar	RM4000.00
Baja fertigasi	RM9000.00
Racun kimia	RM1000.00
Penyediaan tapak	RM2500.00
Memungut hasil	RM2500.00
Sewa tanah	RM1000.00
Susut nilai alatan pengairan	RM5000.00
Insurans	RM100.00

Berdasarkan jadual di atas,

(a) Sediakan penyata untung rugi bidang usaha itu.

[9 Markah]

(b) Hitung,

(i) Pulangan Modal (PM)

[2 Markah]

(ii) Titik Pulangan Modal (TPM)

[2 Markah]

(c) Berdasarkan jawapan di b (i), terangkan maksud nilai PM yang diperolehi.

[2 Markah]

nota kaki maklumat dalam pengiraan untung rugi

-pendapatan

-perbelanjaan (kos berubah, kos tetap)

-Jumlah perbelanjaan

-Keuntungan

-SOALAN TAMAT-

-SELAMAT MAJU JAYA-